

# Kandungan

## Content

PERUTUSAN Pengerusi CHAIRMAN'S STATEMENT	3
MAKLUMAT KORPORAT CORPORATE INFORMATION	9
SEJARAH PENUBUHAN MPM HISTORY OF THE ESTABLISHMENT OF MEC	19
TADBIR URUS KORPORAT CORPORATE GOVERNANCE	27
URUS SETIA SECRETARIAT	45
LAPORAN PENCAPAIAN PERFORMANCE REPORTS	51
MESYUARAT UTAMA PENGURUSAN MANAGEMENT MEETINGS	57
MESYUARAT PERINGKAT URUS SETIA SECRETARIAT LEVEL MEETINGS	65
LAPORAN PEPERIKSAAN EXAMINATION REPORTS	71
JAMINAN KUALITI QUALITY ASSURANCE	97
PENINGKATAN PROFESIONALISME MODAL INSAN ENHANCEMENT OF PROFESSIONALISM	105
MERISIK MASA HADAPAN FUTURE SCENARIO	121
PENYATA KEWANGAN FINANCIAL STATEMENTS	125
BADAN KEBAJIKAN, KEBUDAYAAN, DAN SUKAN KAKITANGAN (BKKS) DAN PUSPANITA CULTURE, SPORTS AND STAFF WELFARE ASSOCIATION (BKKS) AND PUSPANITA	147





PERUTUSAN PENGERUSI  
*CHAIRMAN'S STATEMENT*

## Perutusan Pengerusi

### Chairman's Statement



Assalamualaikum dan salam sejahtera

Saya bagi pihak Majlis dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dan Penyata Kewangannya yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada ahli Majlis yang telah menamatkan perkhidmatan mereka dan mengalu-alukan kehadiran ahli Majlis yang baharu dilantik. Saya yakin bahawa semua ahli yang menganggotai Majlis dapat memberikan sumbangan kepada MPM dalam menetapkan dasar dan merancang hala tuju MPM untuk meningkatkan mutu sistem pentaksiran negara dalam era globalisasi ini.

#### PENGENDALIAN PEPERIKSAAN 2008

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan *Malaysian University English Test* (MUET) bagi tahun 2008 telah dapat dijalankan dengan lancar dan baik. Begitu juga dengan peperiksaan yang dipertanggungjawabkan kepada MPM untuk mengendalikannya, iaitu peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan Sistem Saraan Malaysia (PTK-SSM) bagi Kementerian Pelajaran Malaysia

Assalamualaikum and peace be upon you

On behalf of the Council, I am pleased to present the Annual Report and audited Financial Statements of the Malaysian Examinations Council (MEC) for the financial year ended 31 December 2008.

First of all, I would like to take this opportunity to express my appreciation and gratitude to members of the Council who have completed their term of service and warmly welcome the newly appointed members of the Council. I am confident that all members of the Council will make significant contributions to MEC in the formulation and planning of the policies and direction of MEC to further enhance the quality of the national assessment system in this era of globalisation.

#### CONDUCT OF EXAMINATIONS IN 2008

I thank Allah SWT that the Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) examination and the Malaysian University English Test (MUET) for 2008 were conducted smoothly and efficiently. Similarly, the examinations conducted by MEC, namely the Competency Level Assessment of the Malaysian Remuneration System (PTK-SSM) for the Ministry of Education (MoE), the Malaysian Information Technology Professional Examination (MITPE) on behalf

(KPM), *Malaysian Information Technology Professional Examination (MITPE)* bagi pihak Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn. Bhd. (METEOR), dan ujian *Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)* yang pertama kali dikendalikan oleh MPM bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, semuanya telah dapat dijalankan dengan jayanya.

Dalam pada itu, saya amat berbangga dengan prestasi keputusan peperiksaan dan ujian tahun 2008 yang menunjukkan peningkatan yang amat menggalakkan. Ini menggambarkan bahawa mutu pendidikan negara kita telah meningkat selari dengan hala tuju Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010 Kementerian Pelajaran Malaysia. Dengan yang demikian, saya mengucapkan tahniah kepada semua calon yang berjaya, termasuklah kepada guru dan pengetua sekolah yang berkenaan.

## PROSPEK

Tadbir urus korporat yang cekap dan telus serta pengurusan maklumat yang cekap amat perlu dalam melaksanakan tugas demi kecemerlangan organisasi. Dalam konteks ini, MPM akan terus komited sepenuhnya untuk mematuhi piawaian dan dasar kualiti yang ditetapkan. Pada tahun 2008, MPM telah dianugerahi dua sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) yang meliputi skop reka bentuk dan pembangunan kurikulum serta pengurusan peperiksaan/ujian bagi peperiksaan STPM dan MUET. Ini merupakan satu daripada usaha yang dilakukan oleh MPM untuk meningkatkan mutu dan prestasi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggannya.

MPM terus cemerlang apabila memperoleh Anugerah Khas Pencapaian Terbaik Sistem *Star Rating* KPM bersempena dengan Majlis Hari Kualiti KPM pada 4 November 2008.

Di samping itu, MPM akan terus memainkan peranan dengan lebih proaktif dan inovatif untuk memperkenalkan perkhidmatan dan produk yang bernilai tambah agar berupaya memenuhi kehendak pelanggan. Pelan strategik bagi tujuan ini telah dirangka melalui *Scenario Planning* MPM yang diusahakan sejak tahun 2007. Saya berharap agar perancangan ini dapat direalisasikan dalam tempoh yang dirancang.

## PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Selaras dengan dasar pembangunan sumber manusia MPM untuk menghasilkan modal insan yang bermotivasi,

of Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn. Bhd. (METEOR) and the Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI) which was conducted for the first time by MEC on behalf of the Ministry of Higher Education (MoHE), were carried out successfully.

I am very proud of the results of the examinations and tests in 2008 which showed very commendable improvement. This demonstrates that the quality of education in our country has improved in line with the directions of the 2006 – 2010 Education Development Master Plan of the Ministry of Education. Therefore, I would like to congratulate all successful candidates, including teachers and principals of the schools concerned.

## PROSPECTS

Efficient and transparent corporate governance as well as the efficient management of information are vital in the execution of duties in the interest of organisational excellence. In this context, MEC will remain fully committed to complying with the quality standards and policies set. In 2008, MEC was awarded two MS ISO 9001:2000 Quality Management System certificates by SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet) which cover the design and development as well as the management of the STPM examination and MUET. This is part of the efforts undertaken by MEC to improve the quality of its service delivery to its clients.

MEC continued to shine when it received the MoE Star Rating System Special Best Achievement Award in conjunction with the MOE Quality Day on 4 November 2008.

In addition, MEC will continue to play its role in a more proactive and innovative manner by introducing value-added services and products that cater to the needs of its clients. The strategic plan for this purpose, the MEC Scenario Planning, has been in progress since 2007. I hope this planning will be realised within the period planned.

## HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

In line with the MEC human resource development policy to produce motivated, knowledgeable, skilled, competent

berpengetahuan, berkemahiran, cekap, dan cemerlang, maka langkah-langkah khusus telah diambil untuk meningkatkan kemahiran kerja, memperkukuh profesionalisme, dan membudayakan etika kerja dalam kalangan warga MPM. Untuk tujuan ini, pelbagai program latihan dan kursus telah diadakan sepanjang tahun 2008 untuk semua peringkat warga MPM. MPM juga menghantar kakitangannya ke luar negara untuk mengikuti kursus profesional yang berkaitan.

## PRESTASI KEWANGAN

MPM telah menunjukkan prestasi kewangan yang cemerlang dengan peningkatan lebih pendapatan bersih dengan nilai nisbah semasa yang besar dan nilai nisbah liabiliti yang rendah berbanding dengan aset, iaitu sifar.

## PENGHARGAAN

Pada keseluruhannya, prestasi cemerlang yang dicapai pada tahun 2008 menggambarkan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus korporat MPM. Saya bagi pihak ahli Majlis ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kakitangan MPM atas ketekunan, dedikasi, dan sikap profesionalisme mereka dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Saya berharap agar mereka akan terus berusaha dengan penuh iltizam untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang pada tahun yang akan datang.

Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Gabungan, Pejabat Pelajaran Daerah, dan institusi pengajian tinggi tempatan atas sumbangan dan sokongan yang tidak ternilai yang telah diberikan kepada MPM sepanjang tahun 2008.

Wassalam.



.....  
**Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak**  
 Pengerusi  
 Majlis Peperiksaan Malaysia

and excellent human capital, specific measures have been undertaken to improve skills, enhance professionalism and inculcate work ethics among MEC staff. For this purpose, various training programmes and courses were conducted in 2008 for MEC staff of all levels. MEC also sent its staff abroad to attend relevant professional courses.

## FINANCIAL PERFORMANCE

MEC recorded an excellent financial performance with an increase in its net surplus income, and a low liability ratio compared to asset.

## ACKNOWLEDGEMENT

On the whole, the excellent performance achieved in 2008 reflects the efficiency and effectiveness of the corporate governance of MEC. On behalf of the members of the Council, I would like to take this opportunity to express my highest appreciation and gratitude to all MEC staff for their diligence, dedication, and professionalism in carrying out the tasks entrusted to them. I hope they will continue to work hard with total commitment in order to achieve better performance in the years to come.

I would also like to express my appreciation and gratitude to all parties especially the state education departments, combined education offices, district education offices and local institutions of higher learning for their invaluable contributions and support throughout 2008.

Wassalam.



.....  
**Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak**  
 Chairman  
 Malaysian Examinations Council







MAKLUMAT KORPORAT  
*CORPORATE INFORMATION*





## CERTIFICATE



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. hereby certifies that

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
**BANGUNAN MPM, PERSIARAN 1**  
**BANDAR BARU SELAYANG**  
**68100 BATU CAVES**  
**SELANGOR DARUL EHSAN**  
**MALAYSIA**



MS ISO/IEC 17021:2006  
 QS 07:21309 CB 01

has implemented a Quality Management System complying with

**ISO 9001 : 2000**

*Quality Management Systems - Requirements*



074

Scope of Certification

- 1) DESIGN AND DEVELOPMENT OF CURRICULUM OF SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) [REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)];
- 2) MANAGEMENT OF SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) EXAMINATION [PENGURUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)].



Original Certification Date : 03 March 2005

Issue Date : 16 December 2008

Expiry Date : 14 November 2010

Certification No. : AR 3576

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
 (Company No. 410331-X)  
 1, Persiaran Dato' Menteri  
 Section 2, P.O. Box 7035  
 40911 Shah Alam  
 Selangor Darul Ehsan  
 MALAYSIA

Tel : 06-3-55446400  
 Fax : 60-3-55109439

<http://www.sirim-qas.com.my>  
<http://www.malysiancertified.com.my>

Dato' Mariani Mohammad  
 Managing Director  
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Ir. Hj. Yahaya Ahmad  
 Chairman  
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

This certificate is granted subject to the terms and conditions as stated in the Certification Agreement.



THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

## CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
hereby certify that

### MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

BANGUNAN MPM, PERSIARAN 1  
BANDAR BARU SELAYANG  
68100 BATU CAVES  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

has implemented and maintains a

### QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fulfills the requirements of the following standard

**ISO 9001 : 2000**

for the following field of activities

- 1) DESIGN AND DEVELOPMENT OF CURRICULUM OF SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM);
- 2) MANAGEMENT OF SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) EXAMINATION.

Issued on : 16 December 2008

Validity date : 14 November 2010

Certification Number : MY-AR 3576



*Rene' Wasmer*  
Rene' Wasmer  
President of IQNet

*Dato' Mariani Mohammad*

Dato' Mariani Mohammad  
Managing Director  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



**IQNet Partners\*:**

AENOR Spain AFAQ AFNOR France AIB-Vincotte International Belgium ANCE Mexico APCER Portugal CISQ Italy CQC China CQM China  
CQS Czech Republic Cro Cert Croatia DQS Germany DS Denmark ELOT Greece PCAV Brazil FONDONORMA Venezuela HKQAA Hong Kong China  
ICONTEC Colombia IMNC Mexico Inspecta Certification Finland IRAM Argentina IQA Japan KFQ Korea MSZT Hungary Nemko AS Norway NSAI Ireland  
PCBC Poland Quality Austria Austria RR Russia SAI Global Australia SII Israel SIQ Slovenia SIRIM QAS International Malaysia  
SQS Switzerland SRAC Romania TEST St. Petersburg Russia YUQS Serbia

IQNet is represented in the USA by: AFAQ AFNOR, CISQ, DQS, NSAI Inc., and SAI Global

\*The list of IQNet partners is valid at the time of issue of this certificate. Updated information is available under [www.iqnet-certification.com](http://www.iqnet-certification.com)



## CERTIFICATE



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. hereby certifies that

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
**BANGUNAN MPM, PERSIARAN 1**  
**BANDAR BARU SELAYANG**  
**68100 BATU CAVES**  
**SELANGOR DARUL EHSAN**  
**MALAYSIA**



MS ISO/IEC 17021:2008  
 QS 02121999 CB 01

has implemented a Quality Management System complying with

**ISO 9001 : 2000**

*Quality Management Systems - Requirements*



074

Scope of Certification

- 1) DESIGN AND DEVELOPMENT OF CURRICULUM OF MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) [REKABENTUK DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)];
- 2) MANAGEMENT OF MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) EXAMINATIONS [PENGURUSAN PEPERIKSAAN MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)].



Original Certification Date : 12 December 2008

Issue Date : 13 December 2008

Expiry Date : 14 November 2010

Certification No. : AR 4761

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
 (Company No. 410334-X)  
 1, Persiaran Dato' Menteri  
 Section 2, P.O. Box 7035  
 40911 Shah Alam  
 Selangor Darul Ehsan  
 MALAYSIA  
 Tel : 06-3-55446400  
 Fax : 60-3-55109439  
<http://www.sirim-qas.com.my>  
<http://www.malysiancertified.com.my>

Dato' Mariani Mohammad  
 Managing Director  
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Ir. Hj. Yahaya Ahmad  
 Chairman  
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

This certificate is granted subject to the terms and conditions as stated in the Certification Agreement.



THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

## CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
hereby certify that

### MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

BANGUNAN MPM, PERSIARAN 1  
BANDAR BARU SELAYANG  
68100 BATU CAVES  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

has implemented and maintains a

### QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fullfills the requirements of the following standard

### ISO 9001 : 2000

for the following field of activities

- 1) DESIGN AND DEVELOPMENT OF CURRICULUM OF MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET);
- 2) MANAGEMENT OF MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) EXAMINATIONS.

Issued on : 13 December 2008

Validity date : 14 November 2010

Certification Number : MY-AR 4761



*Rene' Wassner*  
Rene' Wassner  
President of IQNet

*Dato' Mariani Mohammad*

Dato' Mariani Mohammad  
Managing Director  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.



**IQNet Partners\*:**

AENOR Spain AFAQ AFNOR France AIB-Vincotte International Belgium ANCE Mexico APCER Portugal CISQ Italy CQC China CQM China  
CQS Czech Republic Cro Cert Croatia DQS Germany DS Denmark ELOT Greece FCAV Brazil FONDONORMA Venezuela HKQAA Hong Kong China  
ICONTEC Colombia IMNC Mexico Inspecta Certification Finland IRAM Argentina IQA Japan KFO Korea MSZT Hungary Nemko AS Norway NSAI Ireland  
PCBC Poland Quality Austria Austria RR Russia SAI Global Australia SII Israel SIQ Slovenia SIRIM QAS International Malaysia  
SQS Switzerland SRAC Romania TEST St. Petersburg Russia YUQS Serbia

IQNet is represented in the USA by: AFAQ AFNOR, CISQ, DQS, NSAI Inc., and SAI Global

\*The list of IQNet partners is valid at the time of issue of this certificate. Updated information is available under [www.iqnet-certification.com](http://www.iqnet-certification.com)



# Sijil Penghargaan



*Dengan sukacitanya Kementerian Pelajaran Malaysia mengucapkan  
setinggi-tinggi penghargaan dan tahmiah kepada*

## **MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

*Di atas kejayaan memenangi*

### **ANUGERAH KHAS PENCAPAIAN TERBAIK SISTEM *STAR RATING* (SSR) KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA 2008**

*Sempena*

#### **MAJLIS HARI KUALITI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA 2008**

**4 November 2008**

  
(Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein)  
Menteri Pelajaran Malaysia



## MISI

Misi kami adalah untuk membangunkan dan mengurus pelbagai bentuk pentaksiran yang menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berwibawa, versatile, dan berdaya maju.

## VISI

Visi kami adalah untuk menjadi badan pentaksiran yang menjanakan pentaksiran jitu yang dapat mengukur potensi seseorang insan secara holistik bersesuaian dengan nilai dan norma murni sejagat menjelang tahun 2025.

## OBJEKTIF MPM

- Menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran peperiksaan dan spesifikasi ujian yang lengkap dan sesuai bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), *Malaysian University English Test* (MUET), dan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)
- Menyediakan kertas peperiksaan/ujian yang jitu, sah, boleh dipercayai, saksama, dan adil bagi peperiksaan/ujian STPM, MUET, PTK, dan *Malaysian Educators Selection Inventory* (MEdSI)
- Mendaftarkan calon bagi peperiksaan/ujian STPM, MUET, dan PTK dengan cekap
- Mentadbirkan peperiksaan/ujian STPM, MUET, PTK, MEdSI, dan *Malaysian Information Technology Professional Examination* (MITPE) dengan cekap dan adil
- Mengeluarkan keputusan peperiksaan/ujian STPM, MUET, PTK, MEdSI, dan MITPE yang standardnya diiktiraf oleh institusi penerima lulusan

## MISSION

Our mission is to develop and manage various forms of assessment which contribute to the development of credible, versatile and competitive human capital.

## VISION

Our vision is to become an assessment body that generates accurate assessment which can measure the potential of an individual in a holistic manner in line with universal values and norms by the year 2025.

## OBJECTIVES OF MEC

- To prepare and publish comprehensive and appropriate examination syllabuses and test specifications for *Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia* (STPM) examination, *Malaysian University English Test* (MUET) and *Competency Level Assessment* (PTK) examination
- To prepare examination/test papers which are accurate, valid, reliable, impartial and fair for the STPM, MUET, PTK and the *Malaysian Educators Selection Inventory* (MEdSI) examinations/tests
- To register candidates for the STPM, MUET and PTK examinations/tests efficiently
- To administer the STPM, MUET, MEdSI and the *Malaysian Information Technology Professional Examination* (MITPE) examinations/tests efficiently and fairly
- To produce the STPM, MUET, PTK and MITPE examinations/tests results of which the standards are recognised by accepting institutions

## DASAR KUALITI

Pihak pengurusan tertinggi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) mempunyai komitmen untuk membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan kualiti berdasarkan *International Standard ISO 9001* serta senantiasa menambah baik keberkesanan sistem tersebut untuk mencapai objektif MPM dalam reka bentuk dan pembangunan kurikulum serta pengurusan peperiksaan/ujian bagi Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan *Malaysian University English Test* (MUET).

Pihak pengurusan tertinggi MPM akan memastikan bahawa dasar kualiti MPM

- bersesuaian dengan objektif MPM,
- merangkum komitmen untuk mematuhi keperluan dan senantiasa menambah baik keberkesanan sistem pengurusan kualiti,
- menyediakan kerangka kerja untuk mewujudkan dan mengkaji semula objektif kualiti,
- disampaikan dan difahami oleh warga MPM,
- dikaji semula supaya senantiasa sesuai dengan objektif MPM.

## PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk menyediakan sukatan pelajaran dan mengendalikan peperiksaan dengan cekap dan teratur. Dalam melaksanakan tugas ini, kami akan memastikan yang berikut:

- Peraturan dan skema peperiksaan serta sukatan pelajaran peperiksaan STPM dikeluarkan 18 bulan sebelum peperiksaan.
- Peraturan, spesifikasi, dan format ujian bagi MUET dikeluarkan 18 bulan sebelum ujian.
- Kertas soalan peperiksaan/ujian memenuhi kehendak sukatan pelajaran peperiksaan/spesifikasi ujian.
- Setiap calon boleh memilih mana-mana mata pelajaran STPM yang ditawarkan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam peraturan dan skema peperiksaan.
- Setiap calon yang mendaftar dapat menduduki peperiksaan/ujian seperti yang dijadualkan.
- Keputusan peperiksaan STPM dikeluarkan dalam tempoh 15 minggu selepas tarikh akhir peperiksaan dan keputusan MUET dikeluarkan dalam tempoh 10 minggu selepas tarikh akhir ujian.
- Sijil STPM dikeluarkan selewat-lewatnya pada bulan Jun.
- Penyata keputusan peperiksaan STPM dan penyata keputusan MUET yang dipohon melalui pos akan dikirimkan kepada pemohon dalam tempoh satu hari bekerja selepas permohonan diterima oleh MPM, dan yang dipohon di kaunter akan disiapkan dalam tempoh 30 minit selepas permohonan diterima.

## QUALITY POLICY

The top management of MEC has a commitment to develop and implement the quality management system, *International Standard ISO 9001* as well as continually improve the effectiveness of the system to achieve MEC's objectives in design and curriculum development and the administration of the STPM examination and MUET.

The top management of MEC shall ensure that the MEC quality policy

- is appropriate to the objectives of MEC,
- includes a commitment to comply with requirements and continually improve the effectiveness of the quality management system,
- provides a framework for establishing and reviewing quality objectives,
- is communicated and understood within MEC,
- is reviewed for continued suitability to MEC's objective.


## CLIENT'S CHARTER

We are committed to preparing syllabuses and conducting examinations in an efficient and organised manner. In carrying out these tasks, we will ensure the following:

- The STPM examination regulations, scheme and syllabuses are produced 18 months before the examination.
- The MUET regulations, specifications and test format are produced 18 months before the test.
- Examination/test question papers meet the requirements of the examination syllabuses/test specifications.
- Every candidate may choose any STPM subjects offered, subject to the conditions stipulated in the examination regulations and scheme.
- Every registered candidate is able to sit for the examination/test as scheduled.
- The STPM examination results are released within 15 weeks of the last date of the examination and the MUET results are released within 10 weeks of the last date of the test.
- STPM certificates are issued by June.
- STPM and MUET statements of results which are requested by post are sent to applicants within one working day after the applications are received by MEC, and within 30 minutes for over-the-counter applications.

- Salinan sijil STPM yang dipohon melalui pos akan dikirimkan kepada pemohon dalam tempoh satu hari bekerja selepas permohonan diterima oleh MPM, dan yang dipohon di kaunter akan disiapkan dalam tempoh dua jam selepas permohonan diterima.
- Standard sijil STPM yang dianugerahkan oleh MPM setara dengan sijil A Level yang dianugerahkan oleh University of Cambridge Local Examinations Syndicate.
- Peperiksaan/ujian yang dikelolakan oleh MPM bagi mana-mana orang, badan, organisasi, institusi, atau pihak berkuasa di dalam atau di luar Malaysia akan dijalankan berdasarkan terma dan syarat yang termaktub dalam perjanjian antara MPM dengan pihak berkenaan.
- Copies of the STPM certificate which are requested by post are sent to applicants within one working day of the receipt of applications by MEC, and within two hours for over-the-counter applications.
- The standard of the STPM certificate awarded by MEC is on par with the A Level certificate awarded by the University of Cambridge Local Examinations Syndicate.
- Examinations/tests conducted by MEC for any person, body, organisation, institution or authority in or outside Malaysia are conducted according to the terms and conditions stipulated in their agreement with MEC.





SEJARAH PENUBUHAN MPM  
*HISTORY OF THE ESTABLISHMENT OF MEC*

# Sejarah Penubuhan MPM

## History of The Establishment of MEC

### SEJARAH PENUBUHAN MPM

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang ditubuhkan pada 1 Februari 1980 di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia [Akta 225] ialah sebuah badan berkanun yang beroperasi di bawah naungan Kementerian Pelajaran Malaysia. Majlis perasmian penubuhan MPM telah disempurnakan oleh Menteri Pelajaran Malaysia pada ketika itu, iaitu Y. B. Dato' Musa bin Hitam pada 22 April 1980. Matlamat penubuhan MPM adalah untuk mengelolakan peperiksaan-peperiksaan tertentu dan semua perkara lain yang perlu atau bersampingan dengan peperiksaan-peperiksaan itu. Peperiksaan yang diwartakan ialah peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang mula dilaksanakan pada tahun 1982 untuk menggantikan peperiksaan *Higher School Certificate* (HSC) dan Sijil Tinggi Persekolahan (STP) yang dikendalikan oleh University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES).

Selepas pengambilalihan kedua-dua peperiksaan tersebut, nama peperiksaan STP dan HSC telah ditukar kepada peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Selain itu, penubuhan MPM juga bertujuan untuk merealisasikan pengendalian peperiksaan tersebut dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya. Hal ini bersesuaian dengan pelaksanaan dasar menggunakan

### HISTORY OF THE ESTABLISHMENT OF MEC

The Malaysian Examinations Council (MEC), which was established on 1 February 1980 under the Malaysian Examinations Council Act [Act 225], is a statutory body which operates under the aegis of the Ministry of Education Malaysia. It was officially launched on 22 April 1980 by the then Minister of Education, Dato' Musa bin Hitam. The objectives of the establishment of MEC are to conduct specified examinations and all other matters that may be necessary or incidental related to such examinations. The examination gazetted is the Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) examination which was first implemented in 1982 to replace the Higher School Certificate (HSC) and Sijil Tinggi Persekolahan (STP) examinations which were conducted by the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES).

After taking over both the HSC and STP examinations, their names were changed to the Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) examination. MEC was also established to realise the aim of conducting the examination wholly in Malay. This is in line with the implementation of the policy to use Malay as the medium of instruction in the national education system from primary level to pre-university level, namely the sixth form.

Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara dari peringkat pendidikan rendah hingga peringkat pendidikan prauniversiti, iaitu tingkatan enam.

Di samping itu, pihak UCLES sendiri yang tidak sanggup lagi mengendalikan peperiksaan HSC/STP di Malaysia berikutan dengan perubahan dasar penggunaan bahasa pengantar telah menyebabkan perlunya sebuah badan peperiksaan, iaitu Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), ditubuhkan untuk mengambil alih fungsi UCLES itu. Selepas beberapa siri rundingan dengan Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak UCLES telah menyerahkan tanggungjawab kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengendalikan peperiksaan tersebut sepenuhnya mulai tahun 1982. Selepas 26 tahun berlalu, MPM masih mengekalkan hubungan kerjasama dengan UCLES, iaitu dalam bentuk khidmat nasihat bagi penetapan standard STPM.

### KEANGGOTAAN MAJLIS

MPM diurus oleh lembaga pengelola yang disebut "Majlis". Keahlian Majlis terdiri daripada semua naib cancellor universiti awam tempatan, Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, Ketua Pengarah Pelajaran, Pengarah Peperiksaan, Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, dan lima orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Majlis dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong daripada kalangan naib cancellor. Keanggotaan Majlis kini berjumlah 28 orang.

Pada tahun 1980, terdapat lima buah universiti yang naib cancellornya dilantik sebagai ahli Majlis, iaitu Naib Cancellor Universiti Malaya, Y. M. Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid; Naib Cancellor Universiti Sains Malaysia (USM), Y. Bhg. Tan Sri Dato' Haji Hamdan bin Sheikh Tahir; Naib Cancellor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Y. Bhg. Dato' Prof. Awang Had bin Salleh; Naib Cancellor Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia, UPM), Y. Bhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Rashdan bin Haji Baba; dan Naib Cancellor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Y. Bhg. Tan Sri Ainuddin bin Abdul Wahid. Selain naib cancellor universiti tempatan, terdapat tiga orang lagi ahli *ex-officio* yang lain, iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, Y. Bhg. Dato' Haji Othman bin Abdul Malik; Ketua Pengarah Pelajaran, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Haji Murad bin Mohd. Noor; dan Pengarah Peperiksaan, Encik Omar bin Mohd. Hashim.

Untuk memenuhi kehendak Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan melantik Y. M. Prof. Diraja Ungku

In addition, UCLES was not ready to conduct the HSC/STP examination in Malaysia following the change in the medium of instruction, thus necessitating the establishment of an examination body, MEC, to take over the functions of UCLES. After a series of negotiations with the Ministry of Education, UCLES handed over the responsibility of conducting the examination to the Ministry with effect from 1982. After 26 years, MEC continues to maintain close relations and co-operation with UCLES in the form of advisory services for the setting of STPM standards.

### MEMBERSHIP OF THE COUNCIL

MEC is managed by a board of governors called "The Council". Members of the Council consist of the vice-chancellors of all local public universities, Secretary General of the Ministry of Education, Director General of Education, Director of Examinations, Chief Executive of MEC and five members appointed by the Yang di-Pertuan Agong. The chairman of the Council is appointed by the Yang di-Pertuan Agong from among the vice-chancellors. Membership of the Council totalled 28 persons.

In 1980, vice-chancellors from five universities were appointed as members of the Council, namely the Vice-Chancellor of Universiti Malaya, Royal Prof. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid; Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Dato' Haji Hamdan bin Sheikh Tahir; Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dato' Prof. Awang Had bin Salleh; Vice-Chancellor of Universiti Pertanian Malaysia (now Universiti Putra Malaysia, UPM), Tan Sri Prof. Dr. Mohd Rashdan bin Haji Baba; and Vice-Chancellor of Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Tan Sri Ainuddin bin Abdul Wahid. Apart from the vice-chancellors, there were three other *ex-officio* members, i.e. the Secretary General of Education, Dato' Haji Othman bin Abdul Malik; Director General of Education, Tan Sri Dato' Haji Murad bin Mohd Noor; and Director of Examinations, Encik Omar bin Mohd Hashim.

To fulfil the requirements of the Malaysian Examinations Council Act 1980, the Yang di-Pertuan Agong consented to appoint Royal Prof. Ungku Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid, Vice-Chancellor of Universiti Malaya, as the first chairman of the Council on 1 February 1980. He

Abdul Aziz bin Ungku Abdul Hamid, Naib Canselor Universiti Malaya, sebagai Pengerusi Majlis yang pertama pada 1 Februari 1980. Beliau memimpin MPM hingga 27 Februari 1988. Jawatan Pengerusi MPM seterusnya disandang oleh Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Nayan bin Ariffin, Naib Canselor Universiti Pertanian Malaysia, sebagai Pengerusi Majlis yang kedua dari 28 Februari 1988 hingga 4 Jun 1994. Pengerusi Majlis yang ketiga ialah Y. Bhg. Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (5 Jun 1994 hingga 30 September 1995), Pengerusi Majlis yang keempat ialah Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Sham bin Mohd. Sani, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (1 Oktober 1995 hingga 25 Mac 1998), Pengerusi Majlis yang kelima ialah Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim, Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (26 Mac 1998 hingga 25 Mac 2001), Pengerusi Majlis yang keenam ialah Y. Bhg. Prof. Datuk Dr. Anuar bin Ali, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (26 Mac 2001 hingga 31 Mei 2003), Pengerusi Majlis yang ketujuh ialah Y. Bhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Prof. Dr. Abu Hassan bin Othman, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (1 Jun 2003 hingga 17 Mac 2005), dan Pengerusi Majlis yang kelapan ialah Y. Bhg. Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (17 Mac 2005 hingga kini).

## URUS SETIA MAJLIS

Operasi Majlis Peperiksaan Malaysia dilaksanakan oleh Urus Setia Majlis yang bertanggungjawab kepada Majlis. Urus Setia Majlis diketuai oleh Ketua Eksekutif (sebelum tahun 2002 digelar Setiausaha Agung) yang menjadi ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai pentadbir, dan ketua pegawai akademik. Setiausaha Agung MPM yang pertama telah disandang oleh Y. Bhg. Dato' Syed Abu Bakar bin Dato' Syed Ahmad Barakbah dari 1 Ogos 1980 hingga 3 April 1995. Beliau telah digantikan oleh Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohd. Ali sebagai Setiausaha Agung MPM yang kedua dari 12 Jun 1995 hingga 11 Jun 1997. Y. Bhg. Dato' Haji Termuzi bin Hj. Abdul Aziz telah menjadi Setiausaha Agung/Ketua Eksekutif MPM yang ketiga dari 12 Jun 1997 hingga 31 Mac 2005. Mulai 1 April 2005 hingga kini, Ketua Eksekutif MPM ialah Encik Omar bin Abu Bakar.

## PREMIS MPM

Pada tahun 1980, MPM memulakan operasinya di tingkat 9, Bangunan Lembaga Peperiksaan di Jalan Duta. Apabila MPM semakin berkembang, premis MPM berpindah ke Bangunan KUWASA di Jalan Raja Laut pada bulan Disember 1984, dan kemudian berpindah ke Wisma Mirama di Jalan Wisma Putra pada bulan Mei

headed MEC until 27 February 1988. The position was next held by Tan Sri Dato' Dr. Nayan bin Ariffin, Vice-Chancellor of Universiti Pertanian Malaysia, from 28 February 1988 until 4 June 1994. The third chairman was Tan Sri Dato' Musa bin Muhammad, Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia (5 June 1994 until 30 September 1995). The fourth chairman was Prof. Dato' Dr. Mohd Sham bin Mohd Sani, Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia (1 October 1995 until 25 March 1998). The fifth chairman was Prof. Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim, Vice-Chancellor Universiti Putra Malaysia (26 March 1998 until 25 March 2001). The sixth chairman was Prof. Datuk Dr. Anuar bin Ali, Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia (26 March 2001 until 31 May 2003). The seventh chairman was Tan Sri Datuk Seri Panglima Prof. Dr. Abu Hassan bin Othman, Vice-Chancellor of Universiti Malaysia Sabah (1 June 2003 until 17 March 2005) and the eighth chairman is Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak, Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia (17 March 2005 till the present).

## SECRETARIAT OF THE COUNCIL

The operations of MEC are carried out by the Secretariat, which is responsible to the Council. The Secretariat is headed by the Chief Executive (prior to 2002, by the Secretary General) who is the chief executive and the administrative and academic chief officer. The first secretary general of MEC was Dato' Syed Abu Bakar bin Dato' Syed Ahmad Barakbah from 1 August 1980 until 3 April 1995. He was succeeded by Tuan Haji Abdul Rahman bin Mohd Ali, who held the post from 12 June 1995 until 11 June 1997. Dato' Haji Termuzi bin Haji Abdul Aziz became the third Secretary General/Chief Executive from 12 June 1997 until 31 March 2005. The present Chief Executive of MEC is Encik Omar bin Abu Bakar.

## MEC PREMISES

In 1980, MEC began its operations on the 9<sup>th</sup> floor of the Examinations Syndicate Building in Jalan Duta. As MEC expanded, its premises were relocated to the KUWASA Building in Jalan Raja Laut in December 1984, and subsequently to Wisma Mirama in Jalan Wisma Putra in May 1995. The aspiration of MEC since the late 1980s

1995. Hasrat MPM untuk mempunyai bangunan sendiri sejak akhir tahun 1980-an tercapai apabila Bangunan MPM di atas sebidang tanah seluas 2.43 hektar di Bandar Baru Selayang siap dibina pada bulan Mei 1998 dan mula diduduki pada bulan Julai 1998. Bangunan MPM telah disempurnakan perasmianya oleh Y. B. Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pelajaran Malaysia, pada 14 September 2004.

## FUNGSI MPM

Sejak MPM ditubuhkan, bidang tugas MPM yang pada mulanya hanya mengendalikan peperiksaan STPM telah diperluas. Pada tahun 1999, MPM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan *Malaysian University English Test* (MUET) yang diadakan dua kali setahun. Ujian ini wajib diduduki oleh semua pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Mulai tahun 2003 pula, MPM telah diamanahkan untuk mengendalikan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi anggota perkhidmatan pelajaran Kementerian Pelajaran Malaysia di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Di samping itu, MPM juga menjalinkan kerjasama dengan pihak Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn. Bhd. (METEOR) untuk mengendalikan *Malaysian Information Technology Professional Examination* (MITPE), iaitu peperiksaan yang membolehkan para graduan dan golongan profesional IT mendapat pengiktirafan dalam kemahiran IT di seluruh dunia. Fungsi ini amat bersesuaian dengan misi dan visi MPM.

Aktiviti yang dilaksanakan oleh MPM dalam mengendalikan peperiksaan adalah seperti yang berikut:

- Menyediakan peraturan dan skema peperiksaan
- Mengkaji, mengemaskinikan, dan menggubal sukatan pelajaran peperiksaan
- Menggubal dan menyediakan kertas soalan dan bahan peperiksaan
- Menyelaraskan pendaftaran calon peperiksaan
- Menyelaraskan pengendalian peperiksaan dan pemarkahan skrip jawapan calon
- Memproses dan menyemak keputusan peperiksaan
- Menetapkan standard kertas dan mata pelajaran serta menganugerahkan keputusan peperiksaan
- Mentafahus rayuan calon tentang keputusan peperiksaan
- Melatih kakitangan Urus Setia dan penjawat yang dilantik oleh MPM
- Mengkaji dan menyelidik perilaku calon dan hal-hal lain yang berkaitan dengan peperiksaan

to have its own building was realised when the MEC Building was completed on a 2.43 hectare piece of land in Bandar Baru Selayang in May 1998 and occupied in July 1998. It was officially opened by Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, Minister of Education Malaysia, on 14 September 2004.

## FUNCTIONS OF MEC

Since its establishment, the MEC's scope of responsibilities has expanded from its initial function of conducting only the STPM examination. In 1999, it was tasked with conducting the Malaysian University English Test (MUET) which is held twice a year. This test is compulsory for all students who want to continue their studies in public institutions of higher learning. Beginning from 2003, MEC has been entrusted to conduct the Competency Level Assessment (PTK) examination for officer in the education service, Ministry of Education under the Malaysian Remuneration System (SSM). In addition, MEC conducts the Malaysian Information Technology Professional Examination (MITPE) with the co-operation of Multimedia Technology Enhancement Operations Sdn Bhd (METEOR). This examination enables IT graduates and professionals to secure worldwide recognition in the field of IT. This function is aptly in line with the mission and vision of MEC.

The activities carried out by MEC in conducting the examinations are as follows:

- Preparing the examination regulations and scheme
- Studying, revising and designing the examination syllabuses
- Setting and preparing question papers and examination materials
- Co-ordinating the registration of examination candidates
- Co-ordinating the conduct of the examinations and the marking of the answer scripts of candidates
- Processing and checking the examination results
- Setting standards for the papers and subjects and awarding the examination results
- Scrutinising candidates' appeals against examination results
- Training staff of the Secretariat and officers appointed by MEC
- Studying and researching the behaviour of candidates and other matters related to examinations

## PENGIKTIRAFAN DAN USAHA PEMANTAPAN MPM

Untuk memastikan supaya perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggannya berkualiti, MPM telah memperoleh Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9001:1994 Perkhidmatan Awam Malaysia pada 31 Disember 2000 dan Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9001:2000 bagi peperiksaan STPM pada 3 Mac 2005 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Skop pendaftaran sistem kualiti ini ialah pengurusan dan pentadbiran peperiksaan STPM yang merangkum pembinaan, pencetakan, dan pendedaran kertas soalan.

Untuk melaksanakan sistem pengurusan kualiti yang lebih menyeluruh di MPM, skop pendaftarannya telah diperluas. MPM telah menyediakan dua prosedur kualiti yang berasingan bagi peperiksaan STPM dan MUET. Skop yang diperluas bagi prosedur kualiti peperiksaan STPM meliputi penggubalan sukatan pelajaran, pembinaan, pencetakan, dan pendedaran kertas soalan, penyediaan peraturan dan skema peperiksaan, pendaftaran calon, pembekalan alat tulis, pentadbiran peperiksaan, pemeriksaan skrip jawapan, pemprosesan markah, penetapan standard, pengeluaran keputusan, dan pengeluaran sijil. Skop bagi prosedur kualiti MUET pula meliputi penggubalan spesifikasi ujian, pembinaan, pencetakan, dan pendedaran kertas soalan, pendaftaran calon, pembekalan alat tulis, pentadbiran ujian, pemeriksaan skrip jawapan, pemprosesan markah, pengesahan keputusan, dan pengeluaran slip keputusan. Sistem pengurusan kualiti yang diperluas bagi peperiksaan STPM dan MUET ini mula dilaksanakan pada 11 September 2007. MPM telah memperoleh Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 bagi peluasan skop peperiksaan STPM (nombor sijil AR3576) pada 16 Disember 2008 dan Sijil Pendaftaran Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 bagi MUET (nombor sijil AR4761) daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan the International Certification Network (IQNet) pada 13 Disember 2008.

Usaha memantapkan pengendalian peperiksaan STPM dimulakan sebaik sahaja MPM mengambil alih peperiksaan HSC/STP daripada UCLES pada tahun 1982. Dalam hal ini, MPM sentiasa mengenal pasti sistem pemprosesan pendaftaran dan pemprosesan keputusan peperiksaan yang inovatif dari semasa ke semasa. Pangkalan data STPM mula dibina sejak tahun 1982 oleh sekumpulan pakar dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang diketuai oleh Prof. Madya Anuar bin Maarof dengan menggunakan kemudahan perkakasan komputer di UTM. MPM telah membeli perkakasan komputer jenis *mainframe* IBM model 4361 pada tahun 1986. Dengan

## RECOGNITION AND EFFORTS TO STRENGTHEN MEC

To ensure the provision of quality services to its clients, MEC obtained the Malaysian Civil Service MS ISO 9001:1994 Quality System Registration Certification on 31 December 2000 and the MS ISO 9001:2000 Quality System Registration Certification for the STPM examination on 3 March 2005 from SIRIM QAS International Sdn Bhd. The scope of registration of this quality system is the management and administration of the STPM examination which encompasses the design, printing and distribution of question papers.

In order to implement a more comprehensive quality management system in MEC, its scope of registration has been expanded. The MEC has prepared two separate quality procedures for the STPM examination and MUET. The expanded scope for the STPM quality procedures include the formulation of syllabuses, the construction, printing and distribution of question papers, preparation of the examination regulations and scheme, registration of candidates, supply of stationery, administration of examination, marking of answer scripts, processing of marks, setting of standards, release of results and issue of certificates. The scope for the MUET quality procedures include the formulation of test specifications, the construction, printing and distribution of question papers, registration of candidates, supply of stationery, administration of test, marking of answer scripts, processing of marks, confirmation of marks and release of results. The expanded quality management system for the STPM examination and MUET was implemented on 11 September 2007. MEC obtained the ISO 9001:2000 Registration Certificate of Quality Management System for the expanded scope of the STPM examination (certificate number AR3567) and the ISO 9001:2000 Registration Certificate of Quality Management System for MUET (certificate number AR4761) from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. and the International Certification Network (IQNet), both on December 16, 2008 and December 13, 2008.

Efforts to strengthen the conduct of the STPM examination began as soon as MEC took over the task from UCLES in 1982. MEC constantly seeks innovative systems to process registration and examination results. The STPM database was first developed in 1982 by a group of experts from Universiti Teknologi Malaysia (UTM) headed by Assoc. Prof. Anuar bin Maarof using UTM's computer hardware facilities. MEC acquired an IBM model 4361 mainframe computer in 1986. With this purchase, MEC was able to carry out data processing work more efficiently and effectively in terms of time and cost.

pembelian perkakasan komputer ini, MPM telah dapat melaksanakan kerja pemprosesan data dengan lebih cekap dan berkesan dari segi masa dan kos.

Selaras dengan perkembangan teknologi semasa, MPM telah menggantikan sistem komputer *mainframe* dengan sistem *client server* pada tahun 1994. Sistem ini menggunakan sistem pengurusan pangkalan data yang lebih cekap untuk menyimpan data dan mendapatkan semula data. Dengan terbinanya sistem ini, pemprosesan pendaftaran calon serta pemprosesan dan analisis keputusan peperiksaan calon dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan. Usaha untuk mendedahkan kakitangan MPM kepada penggunaan ICT dalam menjalankan tugas mereka bermula pada tahun 1995 apabila setiap komputer diberi sambungan Internet dan setiap pegawai diberi kemudahan e-mel.

Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan, semakin maklumat pendaftaran dan maklumat keputusan peperiksaan melalui sistem mesej singkat (SMS) telah diperkenalkan pada tahun 2005 dan secara dalam talian pada tahun 2006. Selain itu, keupayaan perkakasan komputer juga ditingkatkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sistem pendaftaran dan sistem pemprosesan keputusan peperiksaan diperkemas juga dari semasa ke semasa untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

## MERISIK MASA DEPAN

Perkembangan pesat fungsi MPM sejak tahun 1999 telah menjadi mangkin kepada usaha untuk mempelbagaikan sumber kewangan/pendapatan MPM. Pada suatu hari nanti tidak mustahil bagi MPM untuk menjelma sebagai agensi kerajaan yang menawarkan pelbagai perkhidmatan mengikut kehendak pelanggan dalam bidang akademik dan bukan akademik. Dengan sumber kewangan yang selesa, MPM akan dapat meneruskan hasratnya untuk menjanakan pentaksiran jitu yang relevan dan memenuhi keperluan pentaksiran pendidikan semasa.

